

NOTIS PENTING

Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”), selaku pengurus kepada AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (“ASB”) dan bagi pihak pemegang amanah, AmanahRaya Trustees Berhad (“Pemegang Amanah”), ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pihak ASNB telah mengenal pasti bahawa terdapat satu laman sesawang yang dikendalikan oleh pihak tertentu iaitu <http://asbgenius.com> (“Laman Sesawang”) yang menyalahgunakan nama ASB iaitu salah satu tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB untuk mempromosikan “Set Combo ASB Genius & Hartanah” (“Combo ASB Genius”). Pihak yang melanggan Combo ASB Genius ini akan menerima tujuh (7) Ebook & video teknik ASB Genius.

Combo ASB Genius tersebut kononnya menawarkan teknik terbaik pelaburan yang boleh memberikan pulangan berkali ganda melalui simpanan ASB. Ganjaran serta faedah yang ditawarkan seperti yang tertera di dalam Laman Sesawang tersebut tidak mempunyai kaitan dengan pelaburan yang dijalankan oleh ASNB. Nama produk ‘ASB’ yang tertera di Laman Sesawang tersebut juga telah digunakan tanpa mendapat kebenaran daripada pihak ASNB.

Sehubungan dengan itu, pihak ASNB ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Laman Sesawang ini serta isi kandungan yang dinyatakan di dalam Combo ASB Genius tersebut adalah tidak diiktiraf dan ia beroperasi tanpa pengetahuan dan kebenaran dari pihak Pemegang Amanah dan ASNB.

Pemegang Amanah dan ASNB, tidak mempunyai sebarang hubung kait dengan kenyataan, perwakilan dan tawaran yang tertera di dalam Laman Sesawang dan Combo ASB Genius tersebut. Dengan ini, **ADALAH DIMAKLUMKAN** bahawa pihak Pemegang Amanah, ASNB dan ejen-ejen dilantik tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh mana-mana pihak akibat daripada maklumat, kenyataan dan perwakilan dalam Laman Sesawang serta Combo ASB Genius tersebut.

Mana-mana pihak yang mempunyai pengetahuan tentang pengendalian Laman Sesawang tersebut atau mengenai penulis Combo ASB Genius, sila hubungi ASNB di talian 03-2057 3000, pada waktu pejabat.

Amanah Saham Nasional Berhad
Pengurus
Amanah Saham Bumiputera (“ASB”)